

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR
KUCHING]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian hasrat Kerajaan untuk meminda seksyen 309 Kanun Keseksaan untuk "Decriminalise Attempted Suicide" untuk menangani isu peningkatan jumlah cubaan membunuh diri di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia kerana berdasarkan statistik setakat 2019 insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Isu percubaan membunuh diri menjadi lebih meruncing pada masa ini kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu menjadikan ramai kehilangan sumber pendapatan atau hilang pekerjaan.

Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut.

Berdasarkan hasil kajian perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan untuk membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura, didapati negara-negara tersebut telah mengeluarkan perbuatan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan mental. Ini bermakna percubaan membunuh diri bukan lagi suatu kesalahan jenayah di negara-negara tersebut.

Berdasarkan perkembangan undang-undang berkaitan di negara yang dikaji, Jabatan Peguam Negara telah menimbang cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengeluarkan perbuatan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya.

Jabatan Peguam Negara sedang meneliti dengan lebih lanjut pilihan perundangan yang ada serta implikasi perundangan sekiranya kesalahan perbuatan percubaan membunuh diri dikeluarkan daripada sistem keadilan jenayah. Di samping itu, Jabatan Peguam Negara juga sedang meneliti keperluan untuk meminda undang-undang lain yang berbangkit daripada pengeluaran kesalahan perbuatan percubaan membunuh diri daripada sistem jenayah bagi mengelakkan berlaku kelompongan dalam undang-undang berkenaan perkara ini.

Jabatan Peguam Negara dijangka memuktamadkan kajian pada akhir tahun 2021 dan ke arah penyediaan pembentangan pindaan undang-undang pada akhir tahun 2021 atau awal tahun 2022.

Sekian, terima kasih.